

FATWA MENGENAI HUKUM JUAL BELI DAN PELABURAN EMAS YANG DIJALANKAN  
OLEH SYARIKAT GENEVA MALAYSIA SDN. BHD

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini;

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 37(6) Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 37(7) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa kali

ke-203 yang bersidang pada 23-25 Februari 2015 bersamaan 4-6 Jamadilawal 1436H dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

- i. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat menegaskan bahawa transaksi jual beli dan pelaburan emas mestilah memenuhi semua rukun jual beli yang digariskan oleh syarak. Sesuatu transaksi jual beli adalah dikira tidak sah sekiranya tidak memenuhi salah satu rukun jual beli. Mesyuarat turut menegaskan bahawa transaksi jual beli dan pelaburan emas juga hendaklah bebas daripada unsur-unsur riba, perjudian, *gharar* yang berlebihan dan kezaliman
- ii. Berdasarkan laporan dan hasil siasatan Bank Negara Malaysia terhadap operasi jual beli dan pelaburan emas oleh Syarikat Geneva Malaysia Sdn. Bhd., mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa transaksi jual beli dan pelaburan emas yang dilaksanakan oleh Syarikat Geneva Malaysia Sdn. Bhd. tidak mematuhi sepenuhnya Parameter Pelaburan Emas sepertimana yang telah diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 pada 13 hingga 15 Oktober 2011
- iii. Oleh itu, umat Islam dinasihatkan supaya tidak melibatkan diri dalam aktiviti atau transaksi jual beli dan pelaburan emas yang dilaksanakan oleh mana-mana pihak sama ada syarikat atau individu di dalam atau luar negara yang bertentangan dengan prinsip-prinsip jual-beli emas seperti yang digariskan oleh syarak atau undang-undang negara.

Bertarikh 9 Ogos 2018

[MNPk.A351.IST/01/7JLD4;PU.Pk.07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan  
TAN SERI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA  
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
Negeri Perak Darul Ridzuan*